



PESERTA diberikan satu set kamera DSLR sepanjang tiga bulan program Water Voice berlangsung.

PENCEMARAN sungai akan mengancam habitat di sekitarnya.

Memupuk kesedaran pemuliharaan air bersih

WWF Malaysia dan HSBC mengambil langkah proaktif untuk memupuk kesedaran ke arah pemuliharaan sungai bersih melibatkan landskap utama di Sabah melalui program Water Voice.

AIR merupakan sumber keperluan asas yang sangat penting kepada manusia dan hidupan bernyawa.

Mendukung definisi cecair yang terbentuk daripada dua bahagian hidrogen dan satu bahagian oksigen itu, air merupakan sumber bermanfaat dalam membantu kelangsungan hidup.

Meliputi kira-kira 71 peratus permukaan bumi, air juga berhadapan dengan ancaman pencemaran daripada pelbagai

sudut yang menjejaskan kualitinya.

Pencemaran itu turut membawa ancaman kepada habitat air, kawasan sekitar dan mendatangkan kemudaratan kepada kesihatan manusia.

Dalam usaha menyampaikan kesedaran terhadap pemuliharaan air bersih,

Pertubuhan Tabung Hidupan Liar Sedunia Untuk Alam Sekitar Malaysia (WWF Malaysia) Sabah melancarkan program Water Voice bertempat di Kampung Singgaron Baru, Ranau, Sabah baru-baru ini. Menurut Ketua

Pegawai Pemuliharaan WWF Malaysia Sabah, Bernard Tai, pelaksanaan program itu merupakan usaha untuk menerapkan kepentingan menjaga kebersihan air bermula dengan penjagaan sungai.

"Memberi pemahaman kepada penduduk tempatan mengenai perspektif menjaga keindahan

sungai sebagai kunci kepada kolaborasi yang bersepadu untuk pemuliharaan air bersih.

"Komuniti yang tinggal berhampiran sungai perlu memainkan peranan penting bagi memastikan sumber air sentiasa dalam keadaan baik untuk menjamin kualiti buat generasi akan datang," katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Program Water Voice merupakan sebahagian daripada rancangan projek tiga tahun pemuliharaan ekosistem air bersih.



BERNARD

Kesedaran sivil

Projek itu bertujuan untuk menyokong dan membantu meningkatkan pengurusan habitat air bersih melalui lembangan sungai di landskap utama Sabah selain mewujudkan kesedaran sivil dalam kalangan masyarakat.

Mendapat tajaan daripada Bank HSBC Malaysia Bhd. (HSBC) melalui Program HSBC's Corporate Sustainability, program itu mendapat penyertaan daripada 16 sukarelawan yang terdiri daripada warga tempatan.

Melalui program itu, sukarelawan diberi pendidikan asas menggunakan kamera digital. Kemahiran itu akan digunakan oleh sukarelawan untuk

merakamkan foto persekitaran sungai di desa masing-masing sepanjang tiga bulan program itu berlangsung.

Ketua Korporat HSBC's Corporate Sustainability, Jessica Tang memberitahu, kerjasama erat antara HSBC dan WWF Malaysia dalam kolaborasi terhadap pelbagai inisiatif sudah menjangkau usia lebih sedekad.

"Kami percaya, semua pihak bertanggungjawab untuk menjaga dan memulihara sungai kerana kehidupan manusia bergantung kepada

sumber air itu.

"Penyertaan daripada komuniti tempatan amat memberangsangkan dan ia mampu mendorong kepada kejayaan usaha kami bersama WWF Malaysia untuk meningkatkan pengurusan sungai ke arah yang lebih baik," ujarnya.

Sebelum pelancaran di Ranau, program Water Voice telah dianjurkan di Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan mendapat sambutan yang menggalakkan.

Orang ramai berpeluang untuk melihat hasil fotografi sukarelawan daripada pelajar UMS dan komuniti Ranau pada pameran fotografi yang akan diadakan penghujung program itu.



PESERTA sukarelawan Water Voice bergambar kenangan bersama wakil pegawai WWF Malaysia dan HSBC.



FOTO yang dirakam oleh sukarelawan akan dipamerkan pada akhir program Water Voice.

SALAH seorang sukarelawan merakamkan foto spesies tumbuhan di sekitar Kampung Singgaron Baru.

KEBERSIHAN sungai akan menjamin kualiti air yang lebih baik.